

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah cadangan 'electoral reform' yang sudah pun melalui beberapa proses perbincangan akan dilaksanakan sebelum PRU15 dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperkasakan lagi Dewan Negara yang kini dilihat hanya sebagai '*rubber stamp*'.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sedang mengkaji cadangan-cadangan reformasi pilihan raya yang turut merangkumi kajian terhadap sistem dan undang-undang pilihan raya di Malaysia. Justeru, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee-ERC*), Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti perkara-perkara tersebut. Dalam melaksanakan kajian tersebut, tempoh masa yang bersesuaian diperlukan sebelum pertimbangan yang sewajarnya dapat dibuat ke atas setiap cadangan reformasi pilihan raya yang dikemukakan.

2. SPR turut mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Khas Pilihan Raya yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2019 yang berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap eksekutif negara. Sehubungan itu, SPR akan memberi kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada jawatankuasa tersebut untuk memudah cara, menambah baik proses pilihan raya sedia ada dan memberi keyakinan kepada rakyat mengenai sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

3. Berkaitan memperkasakan Dewan Negara, sesungguhnya sejak penubuhannya, Dewan Negara telah memainkan peranan yang signifikan dalam pengubalan undang-undang negara. Sejajar dengan hasrat penubuhannya, perenggan 64 Laporan Suruhanjaya Reid 1957 menyatakan peranan Dewan Negara sebagai mana berikut:-

“We do not envisage the Senate as a body of secondary importance. Our recommendations are made with the intention of enabling the Senate to become an influential forum of debate and discussion, and a body which will

contribute valuable revision to legislation and which will be able to impose a measure of delay in exceptional cases.”

4. Maka, sehingga ke hari ini Dewan Negara telah bertindak sebagai mana hasrat dan peranan yang terkandung di dalam Laporan Suruhanjaya Reid 1957 dengan perbahasan yang bermutu serta mampu memberi pengaruh dalam keputusan pihak eksekutif. Antaranya adalah:

- i. Dewan Negara telah meluluskan dengan pindaan DR 8/2004 Rang Undang-undang Racun Makhluk Perosak (Pindaan) 2004; dan
- ii. pada tahun 2018, DR 14/2018 Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 tidak disetujui dan dikembalikan ke Dewan Rakyat untuk diputuskan semula setahun selepas itu.

5. Jelas di sini bahawa tugas dan peranan Dewan Negara adalah sebagai sebuah badan semak dan imbang kepada keputusan yang dicapai di Dewan Rakyat.

6. Disamping itu, agenda memperkasakan Dewan Negara terus berjalan dengan adanya Kaukus Dewan Negara yang telah diwujudkan melalui Jawatankuasa Pemilih Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada 18 Disember 2019 yang lalu. Kaukus ini dipengerusikan oleh YB Senator Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff dan mempunyai 12 orang Ahli dalam kalangan Senator dan bersifat *bipartisan*. Antara lain Kaukus Dewan Negara ini berperanan sebagai badan rundingan dan inkuiri terhadap isu-isu semasa dan permasalahan rakyat secara lebih efektif, menerajui dan meneruskan usaha reformasi Dewan Negara, memperkasa peranan Ahli Dewan Negara dalam *parliamentary diplomacy* dan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti Ahli Dewan Negara. Terma rujukan Kaukus Dewan Negara ini selari dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasa usaha reformasi Parlimen Malaysia bagi menjadikannya sebuah institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.